

KHUTBAH KHAS SEMPENA HARI KEPUTERAAN SULTAN PAHANG

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Mulai tahun ini, tanggal 30 Julai diisytiharkan sebagai hari kelepasan am sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Sebagai umat Islam yang bernaung di bawah zilal pemerintahan Yang di-Pertuan Agong yang juga merupakan Sultan Pahang, marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana mengurniakan kepada kita nikmat iman dan Islam, dan ditempatkan kita di negeri yang makmur, damai serta sejahtera di bawah pemerintahan baginda, dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Sesungguhnya, terlantiknya seseorang itu menjadi pemimpin, adalah ketentuan takdir daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 26:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتُعْزِزُ

مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

Dalam sejarah Tamadun Islam, institusi beraja memainkan peranan yang penting sebagai tonggak agama dalam sesebuah negara. Siapa yang tidak kenal Khalifah Umar bin Abdul Aziz dalam pemerintahan kerajaan Umayyah? Begitu juga sejarah Mesir dan Palestin, umat Islam amat menghargai Sultan Salahuddin al-Ayubi kerana jasanya membawa kemenangan umat Islam atas tentera Salib. Perkara yang sama juga dapat dilihat dalam beberapa Kesultanan Melayu, termasuklah negeri Pahang, yang memainkan peranan penting dalam mendaulatkan agama di negeri tercinta ini.

Sebagai contoh, semasa era Almarhum Sultan Abdul Ghafur Mahyudin Shah antara tahun 1592 hingga 1614, negeri Pahang ditadbir mengikut hukum syarak menerusi Hukum Kanun Pahang. Manuskrip asal Hukum Kanun Pahang masih lagi dipamerkan di muzium Pekan, wajar untuk dibaca oleh semua rakyat negeri ini. Bukan sahaja baginda telah berjaya melaksanakan undang-undang berasaskan syariah malah istana juga telah menjemput para ulamak dari Kedah, Perak, Patani dan Brunei untuk membincangkan usaha memperkasa agama Islam di tempat masing-masing, serta mewujudkan sebuah negeri yang aman sejahtera.

Bersesuaian dengan Perlembagaan Persekutuan dan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menegaskan bahawa Raja Pemerintah merupakan Ketua Agama bagi negeri ini. Baginda juga mengatur hal ehwal agama, memperkenalkan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam di negeri ini bagi tujuan mempermudah urusan pentadbiran agama Islam, selain memastikan proses islah

dan dakwah dipermudahkan dalam masyarakat. Inilah yang dimaksudkan sebagai institusi raja Melayu, yang bukan sahaja dilihat kepada individunya, tetapi lebih kepada fungsi dan peranannya dalam negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Maka sebagai rakyat di negeri bertuah ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menunjukkan kasih dan sayang kepada sultan dengan memberikan penghormatan serta taat setia dengan pemerintahan baginda. Marilah kita bersama-sama menghayati pesanan Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa iaitu raja pemerintah) dari kalangan kamu.*

Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga pernah berpesan seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ

بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Yang bermaksud: *"Dengar dan taat kepada (raja pemerintah) adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim, baik dalam perkara yang disukai atau yang tidak disukainya, selagi tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya diperintahkan melakukan maksiat, maka tidak perlu untuk dengar dan taat."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Selain itu, sebagai rakyat jelata, umat Islam juga berperanan untuk bersama-sama terlibat dalam usaha membawa kemakmuran di negeri ini. Marilah kita berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung, mendapat taufiq dan hidayah dari Allah Subhanahu wa-Ta'ala, serta nasihat yang baik daripada insan yang soleh, bagi memimpin negeri ini khasnya, serta negara ini amnya, ke arah keredaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *Tiadalah seorang khalifah dilantik melainkan ia mempunyai dua bitonah (dua teman rapat). Bitonah pertama, mendorongnya melakukan kebaikan, sementara bitonah kedua, mendorongnya melakukan keburukan. Dan orang yang terpelihara adalah yang dipelihara oleh Allah."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Bersempena dengan Hari Keputeraan ini, marilah kita bersyukur dan berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala, agar melanjutkan usia Tuanku dalam keberkatan, kekal qarar memerintah dalam mendaulatkan agama Islam di negara ini, sihat dan afiat hendaknya sentiasa. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ

وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: *"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan*

kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ